

# PINDAAN CAJ PERKHIDMATAN PENUMPANG (PSC) OLEH MAVCOM

Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) mengumumkan pindaan kepada Caj Perkhidmatan Penumpang (PSC) untuk **Tempoh Kawal Selia pertama (RP1)**, bermula dari **1 Jun 2024 hingga 31 Disember 2026**.

Bagi pemulihan industri penerbangan pasca-pandemik COVID-19



## APA ITU PSC?

Caj Perkhidmatan Penumpang (PSC) adalah **caj untuk penggunaan kemudahan lapangan terbang yang dibayar oleh semua penumpang yang berlepas dari dan transfer melalui semua lapangan terbang nasional**. PSC dikutip oleh syarikat penerbangan semasa pembelian tiket dan dibayar kepada pengendali lapangan terbang selepas penerbangan.



## KENAPA MAVCOM MEMBUAT PINDAAN SEKARANG?

Di bawah seksyen 46 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [Akta 771], **MAVCOM bertanggungjawab menetapkan Caj Perkhidmatan Penerbangan (ASC)** seperti PSC, caj pendaratan, dan caj parkir pesawat, antara lain.

Pindaan ini diperlukan untuk **menyokong pemulihan industri penerbangan dan penyesuaian kepada persekitaran pasca-COVID-19**. Pindaan ini **sejajar dengan amalan terbaik global** dan perubahan keadaan pasaran. Selain itu, pindaan ini bertujuan untuk melindungi kebajikan pengguna penerbangan, memudahkan pemulihan yang mampan dan berdaya tahan, serta memastikan kestabilan kewangan sektor penerbangan.



## BAGAIMANAKAH KEPUTUSAN INI DIBUAT?

**Sesi perundingan yang menyeluruh** telah dijalankan dengan kementerian, agensi, pemain industri, penganalisis, badan-badan penerbangan antarabangsa, serta persatuan pengguna, dilengkapi **dengan penerbitan 2 kertas perundingan**. Ini adalah untuk **memastikan pemahaman dan pertimbangan yang menyeluruh dari pelbagai perspektif sebelum keputusan dimuktamadkan**.

Jadual 1: Kadar PSC semasa dan kadar pindaan bagi pelepasan dari lapangan terbang di Malaysia

PERJALANAN	JENIS PSC	PSC SEMASA	PINDAAN PSC (RP1: 2024-2026)
Perjalanan domestik dari/melalui* semua lapangan terbang	PSC Pelepasan	RM 11	RM 11
	PSC Transfer	-	RM 7
Perjalanan antarabangsa dari/melalui* KUL Terminal 1	PSC Pelepasan	ASEAN: RM 35 Melangkaui ASEAN: RM 73	RM 73
	PSC Transfer	-	RM 42
Perjalanan antarabangsa dari/melalui* KUL Terminal 2 dan lapangan-lapangan terbang lain	PSC Pelepasan	ASEAN: RM 35 Melangkaui ASEAN: RM 73	RM 50
	PSC Transfer	-	RM 29

### Nota:

- Untuk makluman, istilah **\*melalui** merujuk kepada penumpang pindahan yang dijadualkan untuk berlepas ke penerbangan seterusnya. Penumpang pindahan ini akan dikenakan caj PSC *transfer*.
- Kadar PSC di atas **tidak terpakai untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (JHB)**.
- Pindaan di atas akan berkuat kuasa mulai **1 Jun 2024**. Tiket yang dikeluarkan sebelum 1 Jun 2024 tidak akan tertakluk kepada kadar baharu, walaupun tarikh perjalanan berlaku pada atau selepas 1 Jun 2024.

Sumber: MAVCOM

MAVCOM telah membenarkan pengendali lapangan terbang lain yang tidak dikendalikan oleh subsidiari Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) [Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd. dan Malaysia Airports Sdn. Bhd.], iaitu **Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (JHB), Lapangan Terbang Kerteh (KTE), dan Lapangan Terbang Tanjung Manis (TGC), untuk mengemukakan cadangan tarif bagi RP1 kepada MAVCOM.** Ini adalah kerana lapangan-lapangan terbang ini sama ada tidak mempunyai atau berkeupayaan untuk melaksanakan kuasa pasaran (*market power*). KTE dan TGC, kedua-duanya telah memilih untuk menerima pakai kadar yang dicadangkan oleh MAVCOM (*rujuk Jadual 1*). Sementara itu, **JHB telah mengemukakan struktur kadar yang berasingan**, di mana kadar yang diluluskan oleh MAVCOM digariskan dalam Jadual 2:

**Jadual 2: Kadar PSC semasa dan kadar pindaan bagi pelepasan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (JHB)**

PERJALANAN	JENIS PSC	PSC SEMASA	PINDAAN PSC (RP1: 2024-2026)
Perjalanan domestik dari/melalui* JHB	PSC Pelepasan	RM 11	RM 16
	PSC Transfer	-	RM 10
Perjalanan antarabangsa dari/melalui* JHB	PSC Pelepasan	ASEAN: RM 35 Melangkaui ASEAN: RM 73	RM 50
	PSC Transfer	-	RM 29

Nota: Untuk makluman, istilah **\*melalui** merujuk kepada penumpang pindahan yang dijadualkan untuk berlepas ke penerbangan seterusnya. Penumpang pindahan ini akan dikenakan caj PSC *transfer*.

Sumber: MAVCOM

### Sorotan utama kadar PSC yang dipinda

#### Manfaat kepada penumpang

*Memastikan harga yang berpatutan dan merangsang perjalanan tempatan*



#### PSC DOMESTIK KEKAL

PSC domestik dikekalkan pada RM11 di semua lapangan terbang kecuali JHB.



#### PSC ANTARABANGSA YANG LEBIH RENDAH DI SEMUA LAPANGAN TERBANG SELAIN DARIPADA KUL TERMINAL 1

Bagi KUL Terminal 2 dan lapangan-lapangan terbang lain, yang kebanyakannya merupakan penerbangan jarak dekat, MAVCOM telah menetapkan **PSC antarabangsa sebanyak RM50 bagi memanfaatkan pengguna.** PSC ini lebih rendah daripada kadar RM73 di KUL Terminal 1.

#### Daya saing dan pertumbuhan industri

*Selaras dengan amalan terbaik global dan perubahan keadaan pasaran, pindaan ini bertujuan untuk menyokong pemulihan industri penerbangan pasca-COVID-19*



#### PSC ANTARABANGSA TUNGGAL

PSC ASEAN dan melangkaui ASEAN telah digabungkan menjadi **PSC antarabangsa tunggal berjumlah RM73 bagi KUL Terminal 1, dan RM50 bagi KUL Terminal 2, berserta lapangan-lapangan terbang lain.** Keputusan ini dibuat setelah mengambil kira penggunaan kemudahan dan perkhidmatan yang sama digunakan oleh penumpang yang berlepas ke mana-mana destinasi serantau, sekali gus mengenakan kos yang setanding buat pengendali lapangan terbang.



#### PENGENALAN PSC TRANSFER

Penumpang pindahan dikehendaki **membayar PSC untuk infrastruktur lapangan terbang yang digunakan.** Pengenalan PSC *transfer* di Malaysia selaras dengan lapangan-lapangan terbang lain di Asia dan Eropah.



#### PINDAAN ASC SELAIN PSC SEJARAR DENGAN KADAR INFLASI

Sepanjang tempoh RP1, **caj pendaratan dan parkir pesawat, serta semua ASC lain, termasuk caj pas lapangan terbang, permit kenderaan tapak udara, serta permit memandu tapak udara, antara lain, akan dipinda untuk mengambil kira kadar inflasi.**